

01 MAY 1999

Daim-Projek

KAJI PROSEDUR PROJEK UNTUK PERCEPAT PERLAKSANAAN

SUNGAI PETANI, 1 Mei (Bernama) -- Prosedur, perancangan dan pelaksanaan projek awam mesti diubah bagi memastikan projek yang telah diluluskan dilaksanakan dengan segera, kata Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin, hari ini.

Beliau berkata perkara itu adalah antara beberapa cadangan yang sedang dipertimbangkan oleh kerajaan berikutan masalah kelewatan pelaksanaan projek-projek awam sehingga menjejaskan kepentingan rakyat.

"Usaha kita sekarang adalah mencari kaedah terbaik dalam menyelesaikan masalah itu supaya semua projek dapat dilaksanakan dengan segera," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Merbok, di sini.

Perasmian dilakukan oleh Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaakob.

Sehubungan itu, katanya, satu perjumpaan Kerajaan Persekutuan dengan pegawai daerah dan agensi berkaitan akan diadakan di Kuala Lumpur Isnin ini bagi membincangkan masalah kelewatan pelaksanaan projek, mendengar pendapat pegawai-pegawai berkenaan dan mencari penyelesaiannya.

Daim yang juga bekas ketua UMNO bahagian itu berkata, perjumpaan itu turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed dan pegawai-pegawai daripada agensi yang terlibat dengan pelaksanaan projek awam.

Adalah diharapkan selepas perbincangan itu, projek yang telah diluluskan sekian lama dapat dilaksanakan dalam masa dua atau tiga bulan ini, katanya.

Beliau berkata kerajaan telah menambah RM20,000 juta (RM20 billion) lagi bagi melaksanakan projek pembangunan dalam kajian semula Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK) yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen baru-baru ini.

Mengikut perangkaan suku pertama RMK, hanya 5.3 peratus daripada peruntukan untuk pembangunan projek awam telah dibelanjakan sedangkan mengikut perancangan dalam tempoh itu ia harus membelanjakan sekurang-kurangnya 11 peratus.

"Peruntukan masih banyak yang belum dibelanjakan sedangkan RMK cuma tinggal 19 bulan sahaja lagi," katanya.

Beliau berkata dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang ini pelaksanaan projek harus dipercepatkan dan sekiranya lambat, aktiviti yang boleh mempercepatkan pemulihan ekonomi juga tergendala.

Beliau berkata apabila suatu ketika dulu kerajaan menyatakan bahawa sesuatu projek yang telah diluluskan mesti diambil tindakan dalam masa dua minggu, ada orang membantah dengan menyatakan dua minggu terlalu pendek dan tidak mencukupi dan mereka memerlukan sekurang-kurangnya dua bulan.

"Kalau kita bagi enam bulan sekalipun mereka masih tidak melaksanakan projek. Sekiranya mereka tidak dapat melaksanakan dalam masa dua minggu itu mereka sepatutnya berbincang dengan kerajaan," katanya.

Menurut Daim antara projek yang banyak tertangguh adalah projek kemudahan awam seperti jalan raya, sekolah dan hospital.

"Apabila projek itu dilihat tidak berjalan, orang ramai mendesak kerajaan melaksanakan dengan segera," katanya.

-- BERNAMA

MZM PR